



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**27 JUN 2018 (RABU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |                                      |    |
|--------------------------------------|----|
| - Rancang maju tapak Highland Towers | 02 |
|--------------------------------------|----|

**Berita Harian**

- |   |    |
|---|----|
| - Pelan bangunkan kawasan Highland Towers dibincang | 12 |
|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
27 JUN 2018 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Rancang maju tapak Highland Towers
Muka Surat	02

# Rancang maju tapak Highland Towers

SH 27/6/18 M/S 02.

Hanya boleh  
dilaksanakan setelah  
isu tanah,  
perundangan,  
pembeli selesai

PUTRAJAYA

**K**ementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merancang untuk membina projek perumahan bagi golongan B40 di tapak kondominium Highland Towers yang runtuh 25 tahun lepas, kata Menterinya, Zuraida Kamardin.

Beliau berkata, bagaimanapun pembangunan tersebut hanya boleh dilaksanakan setelah tanah berkenaan diambil-alih dan segala isu berkaitan perundangan, tanah dan pembeli kondominium itu berjaya diselesaikan.

"Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pembangunan Semula Highland Towers akan berlangsung di KPKT esok (hari ini) dan dipengerusikan Ketua Setiausaha Datuk Mohammad Mantek," katanya pada sidang akhbar mingguan beliau di pejabatnya di sini, semalam.

Jelasnya, selain KPKT, kementerian dan agensi yang terlibat dalam jawatankuasa berkenaan ialah Kementerian Kewangan,



Dua blok kondominium Highland Towers yang usang dan tidak dijaga.

Kerajaan Negeri Selangor, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Tambah Zuraida, tapak kondominium Highland Towers merupakan sebidang tanah premium di Kuala Lumpur yang tidak harus dibiar begitu sahaja dan perlu dimanfaatkan sepuasnya. Bagaimanapun, inisiatif beliau sejak mula menjadi anggota Parlimen

Ampang pada 2008 untuk mencari penyelesaian bagi membangunkan tapak Highland Towers yang terbiasa menemui jalan buntu.

Pada 11 Disember 1993, satu daripada tiga blok Kondominium Highland Towers di Taman Hillview, Ulu Klang runtuh dalam tragedi yang meragut nyawa 48 orang.

Ditanya berhubung risiko keselamatan jika projek perumahan dibangunkan di tapak Highland Towers yang merupakan tanah cerun, Zuraida berkata, projek perumahan yang akan dibangunkan akan mematuhi semua spesifikasi pembangunan di tanah cerun. -Bernama



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**27 JUN 2018 (RABU)**

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Pelan bangunkan kawasan Highland Towers dibincang
Muka Surat	12

# Pelan bangunkan kawasan Highland Towers dibincang

BT 27/6/18 M/S 12.



➔ Jawatankuasa Pembangunan adakan mesyuarat pertama

Oleh Suhaila Shahrul Annur  
cnews@ntp.com.my

Putrajaya

**M**esyuarat pertama Jawatankuasa Pembangunan Semula Highland Towers akan diadakan hari ini, antara lain bagi membincangkan pelan tindakan terbaik ke arah membangunkan semula kawasan itu.

Menyatakan bahawa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata mesyuarat itu juga dijangka memfokuskan beberapa perkara, termasuk kajian kemungkinan pengambilan tanah kawasan itu yang terbaik sejak tragedi runtuhnya tanah kira-kira 25 tahun lalu.

Beliau berkata, jawatankuasa berkenaan akan diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Mohammad Mentek dan membatikan beberapa kementerian serta agensi Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan kerajaan negeri Selangor.

Kementerian lain, termasuk Kementerian Kerjaya, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; Jabatan Ketua Pengarah dan Galian Persekutuan; Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia; Jabatan Pe-

ngairan dan Saliran dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Katanya, tapak runtuhnya Highland Towers adalah sebidang tanah premium yang terletak di bandar dan sempadan Kuala Lumpur, jadi ia tidak harus dibiarakan terengkali begitu sahaja dan harus dimanfaatkan sepenuhnya.

**Pertemuan dengan PBT**

"Kira-kira 10 tahun lalu, sebagai Ahli Parlimen Ampang, saya cuba mencari penyelesaian kepada perkara ini, termasuk mengadakan pertemuan dengan pihak berkewaspada tempatan (PBT) dan pejabat tanah."

"Saya difahamkan tanah ini dilantikkan di bawah Jabatan Insolvensi Malaysia, tetapi hingga kini tiada penyelesaian kerana ada beberapa maklumat yang dikatakan hilang."

"Disebabkan itu, kajian dan sia-

satan semula perlu dibuat yang pastinya akan memerlukan sedikit masa kerana membutkan pelbagai isu termasuk dari segi undang-undang khususnya pembelian.

"Kita perlu selesaikan isu utama yang membatikam undang-undang dan pembeli sebelum me ngambil tindakan berseusian dan selanjutnya seperti pengambilahan tanah berkenaan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Zuraida berkata, kajian semula polis berhubung projek rumah terengkali perlu dilakukan bagi memastikan pemaju yang mengambil alih projek berkenaan tidak mengambil masa terlalu lama untuk menyiapkan projek.

Beliau berkata, satu jawatankuasa juga mungkin ditubuhkan untuk membuat penilaian dan pemantauan ke atas polisi sedia ada.



Mesyuarat itu juga dijangka memfokuskan beberapa perkara, termasuk kajian kemungkinan pengambilan tanah kawasan itu yang terbaik sejak tragedi runtuhnya tanah kira-kira 25 tahun lalu"

**Zuraida Kamaruddin,**  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan